

25 OCT 2000

Ling-MAS

BELUM ADA KEPUTUSAN MUKTAMAD TENTANG KENAIKAN KADAR TAMBANG DOMESTIK

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Kerajaan belum membuat keputusan muktamad mengenai cadangan Penerbangan Malaysia (MAS) untuk menaikkan kadar tambang penerbangan domestik, kata Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini.

"Ini adalah sesuatu yang sedang diuruskan dan keputusan muktamad (mengenai kadar tambang) belum dicapai," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai laporan akhbar bahawa MAS telah diberi kebenaran untuk menaikkan kadar tambang penerbangan domestik.

Laporan berita yang memetik sumber-sumber industri pada Isnin lalu menyebut bahawa MAS telah diberikan kebenaran untuk menaikkan kadar tambang penerbangan domestik sehingga 50 peratus tetapi hanya untuk penerbangan di semenanjung.

Ketika ditanya bila kerajaan akan membuat pengumuman, Dr Ling berkata beliau akan mengumumkan perkara itu pada masa yang sesuai.

"Kita masih meneliti butirannya...secepat yang mungkin," katanya.

Dr Ling juga ditanya mengenai laporan berita hari ini berhubung pengakuan ketua pemuda Parti Keadilan Nasional Ezam Mohd Nor di atas pembabitannya dalam usaha memburukkan nama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Amerika Syarikat dan Eropah.

Dr Ling berkata: "Saya berpendapat ia adalah satu tindakan pengecut, katakannya di sini (di Malaysia) kerana kita mempunyai surat khabar dan segala-galanya di sini.

"Kenapa mereka tidak mahu bercakap di dalam negara apabila kita berpeluang untuk membalas tuduhan itu, sebaliknya mengatakan di belakang dan kita tidak berpeluang untuk membalas," kata Dr Ling, yang juga presiden MCA.

Ketika menjawab soalan mengenai cadangan kerajaan negeri Selangor untuk mengharamkan penternakan babi di negeri itu, beliau berharap larangan itu tidak akan dikuatkuasakan tetapi sebaliknya mendapatkan satu tapak yang sesuai untuk dijadikan kawasan penternakan babi yang moden.

-- BERNAMA

HS AHH AKD